

25/07/1997

Britain disyaki membantah

KUALA LUMPUR, Khamis - Asean tidak tahu sama ada Britain memulaukan majlis penerimaan Laos dan Myanmar sebagai anggota Asean berikutan kegagalan Pesuruhjaya Tinggi British, David J Moss, hadir di upacara itu semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Asean, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau tidak sedar ketiadaan Moss dan tidak tahu sama ada Britain mengambil keputusan memulaukan majlis kerana tidak bersetuju dengan tindakan Asean mengambil Myanmar sebagai anggota gagasan itu.

"Saya tidak tahu sama ada mereka (British) memulaukan majlis ini. Tetapi ini bukan suatu perkara baru, malahan isu ini sudah ditimbulkan sejak 1991.

"Keputusan mengambil Myanmar sebagai ahli adalah hak dan keputusan Asean, tidak ada kena mengena dengan Britain atau Kesatuan Eropah (EU)," katanya pada sidang akhbar selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan AMM di sini, hari ini.

Britain yang juga anggota EU membantah keputusan Asean menerima Myanmar yang didakwa melanggar peraturan hak asasi manusia.

Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, juga menegaskan bantahan EU itu bukan satu perkara baru, bagaimanapun ia tetap menjadi agenda dalam Forum Serantau Asean (ARF) yang akan bermula Ahad ini.

Menjawab soalan mengenai ketegasan Dr Mahathir, ketika membidas beberapa negara yang mendesak Asean menolak kehadiran Myanmar dalam gagasan itu, Ali berkata:

"Ucapan Dr Mahathir seperti biasa adalah tegas dan berani, kerana itu memang gayanya. Kami juga bersetuju dengan pendapatnya.

"Pada pendapat saya, negara Barat sendiri sudah mengetahui cara Dr Mahathir meluahkan pendapatnya selama ini.

"Kenyataan hari ini tidak perlu dilihat sebagai perubahan dramatik atau menunjukkan sikap tegas Asean secara mendadak," katanya.

(END)